



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

# KENYATAAN MEDIA

## PERANAN PENTADBIRAN KERAJAAN

---

- 1) Dalam peringkat pemulihan negara menangani COVID-19, saya ingin mengingatkan penjawat awam perlu berterusan meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat. Seperti saranan YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri baru-baru ini, peranan Pentadbiran Kerajaan – *to facilitate not to frustrate*.
- 2) Pentadbiran Kerajaan memerlukan proses kerja yang lebih teratur dan terancang. Justeru, jika ada proses kerja yang perlu diubah (CHANGE) bagi mempercepatkan proses perkhidmatan agar dapat membantu sektor ekonomi kembali ke landasannya, buat dengan pantas (SPEED), tanpa melanggar prinsip-prinsip INTEGRITI. Prosedur dan cara kerja serta lapisan untuk membuat keputusan (decision making level) perlu dikurangkan dengan memberi kuasa-kuasa tertentu kepada pihak yang bertanggungjawab dan ketua-ketua jabatan untuk membuat keputusan dengan kadar segera.
- 3) Elakkan BERTANGGUH, kelewatan hanya akan menjejaskan semua pihak yang memberi kesan kepada sosia-ekonomi negara. Kita tidak boleh sambil lewa mahupun mengundur ke belakang, *this is not a choice*. Rakyat amat perlukan

bekalan perkhidmatan dari kita dan kita seharusnya perlu jadi PENYAMPAI PERKHIDMATAN yang cepat dan berkesan (effective) dalam era norma baharu ini.

- 4) Komitmen semua penjawat awam diperlukan agar usaha-usaha *frontliners* dan *backliners* memerangi COVID-19 tidak menjadi sia-sia. Hayati #RukunNegara dalam pelaksanaan tugas. Kita perlu menjadi contoh, utamakan keperluan kepada rakyat, kekalkan #kitajagakita, patuhi SOP yang dikeluarkan, penjawat awam MAMPU menjadikan MALAYSIA negara ke hadapan di dunia keluar dari krisis COVID-19.

**Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman**  
**Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam**  
**16 Julai 2020**

**#####**

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 16 Julai 2020  
Tel : 03 - 8885 3146/ 3088  
Emel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)  
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 (89)